

**Tajuk**

‘Skim Pengiktirafan Asatizah’

Ustaz Mohamad Hasbi Hassan  
Presiden Persatuan Ulama dan Guru- guru Agama Islam Singapura,  
Pemimpin Tariqat Ahmadiyah Idrisiah Singapura  
19 Julai 2017

## ISI KANDUNGAN

I	Pengenalan..... Latar Belakang Muslim di Singapura Ledakan Maklumat & Era Globalisasi Keprihatinan Pemerintah Singapura Peranan Asatizah & Pergas	3
II	Skim Pengiktirafan Asatizah ..... Cetusan Idea Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori ARS Respons Asatizah berkenaan Mandatori ARS Cabaran Mandatori ARS Kod Etika ARS	5
III	Penutup ..... Penilaian / Saranan	8
IV	Rujukan.....	10

## ‘Skim Pengiktirafan Asatizah’

### Ustaz Mohamad Hasbi Bin Hassan

Presiden, Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)  
448 Changi Road #03-01  
Singapura 419975  
Tel: 65-63468232  
Fax: 65-6346 3450  
Email: hasbi@pergas.org.sg

### ABSTRAK

*Kesedaran agama yang semakin meningkat di sisi masyarakat Islam dan juga yang bukan Islam menyebabkan agama Islam ini penting dan menjadi perhatian dalam kehidupan masyarakat setempat. Dalam berhadapan dengan persoalan-persoalan semasa, lebih ramai yang mencari panduannya dari perspektif agama dan menyuarakan pandangan mereka dengan mengambil kira ajaran agama. Oleh itu, Asatizah dan ulama tempatan kini memainkan peranan penting dalam membimbing kehidupan keagamaan masyarakat Muslim dalam konteks negara yang sekular dan berbilang kaum. Bagi mengelakkan kekeliruan dan salah tanggapan berkenaan agama, adalah amat penting bagi masyarakat Islam setempat mendapatkan pendidikan agama daripada asatizah yang berkelayakan, berwibawa dan bertauliah. Dalam usaha ini, Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) telah diperkenalkan bagi memastikan pembangunan asatizah dapat dijalankan dengan lebih berstruktur dan pengajaran agama dapat disampaikan sejajar dengan konteks Singapura. Melalui skim ini, asatizah akan dilatih dan diperkasa dengan ilmu pengetahuan dan pelbagai kemahiran agar mereka dapat melaksanakan tugas dan amanah ini dengan lebih berwibawa dan dedikasi. Tambahan dari itu, sokongan telah diberikan oleh Kumpulan Pemulihan Agama RRG (Religious Rehabilitation Group) yang telah ditubuhkan khas bagi memastikan penyelewengan fahaman Islam. Dengan ini, beberapa manual juga telah dihasilkan untuk membantu sebarang salah fahaman terhadap teks-teks agama.*

### Latar belakang Muslim di Singapura

Singapura negara kecil dikelilingi negara-negara jiran yang mempunyai penduduk Islam yang ramai. Ini menempatkan Singapura dalam kedudukan yang unik di rantau ini kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Dalam sebuah laporan yang dikemukakan oleh Pew Research Centre<sup>1</sup>, Singapura merupakan salah satu antara 232 negara yang paling berbilang agama. Sebagai sebuah negara sekular, pihak pemerintah sentiasa memastikan bahawa pengamalan mana-mana agama tidak menjejaskan keharmonian kepelbagaian agama di sini. Semua institusi dan individu memainkan peranan penting dalam usaha menjaga keharmonian sesama kaum dan agama. Mana-mana provokasi yang boleh membawa kepada keruntuhan perpaduan antara agama dipandang serius oleh Pemerintah.

Dalam sebuah ucapannya, Timbalan Perdana Menteri Singapura, Encik Teo Chee Hean<sup>2</sup>, telah menekankan peri pentingnya agar masyarakat memahami keperluan menjaga sensitiviti agama dan mengambil setiap keputusan bagi kebaikan semua. Ini sejajar dengan anjuran Islam yang menggalakkan hubungan baik sesama bangsa dan agama seperti yang terakam dalam surah al-Hujurat ayat13 yang berbunyi:

---

<sup>1</sup> Religious Diversity Index, Pew Research Centre, <http://assets.pewresearch.org/wp-content/uploads/sites/11/2014/04/Religious-Diversity-appendix-1.pdf>

<sup>2</sup> Maryam Mokhtar, Keep S'pore Inclusive, The Straits Times, April 16, 2013, <http://www.asiaone.com/print/News/Latest%2BNews/Singapore/Story/A1Story20130415-416031.html>

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

Ayat di atas dengan jelas menekankan maksud penciptaan manusia berbangsa-bangsa dan berkaum-kaum adalah untuk saling berkenal-kenalan bukan bercakaran.

### **Ledakan Maklumat & Era Globalisasi**

Sebagai sebuah negara yang kecil, Singapura terdedah dan terkesan dengan perkara-perkara yang berlaku di luar negara. Kemajuan teknologi hari ini memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk mendapatkan maklumat melalui rangkaian internet dan media sosial. Para pengguna bergantung kepada internet sebagai bahan rujukan dalam hampir setiap persoalan yang dihadapi mereka. Menurut kajian yang dijalankan oleh Nanyang Technological University Singapore (NTU)<sup>3</sup>, rakyat Singapura menggunakan internet sebagai salah satu sumber maklumat bagi permasalahan agama. Ini mendedahkan para pengguna, khususnya golongan muda, kepada pelbagai maklumat dan fatwa yang kadang kala sukar diperiksa sumber dan asal usulnya.

Suatu kerisauan juga timbul apabila melihat golongan masyarakat awam mula melibatkan diri dalam perbahasan-perbahasan khilafiyah. Tanpa berbekalkan asas ilmu agama yang kukuh, seseorang boleh terpedaya dan terperangkap dalam perbahasan agama yang berat sebelah atau fanatik yang mencemar perpaduan masyarakat. Tambahan pula, rangkaian internet yang tiada sempadannya membolehkan seseorang memperoleh pendapat-pendapat dan fatwa-fatwa ulama luar negara yang mungkin tidak bersesuaian dengan konteks masyarakat majmuk di Singapura. Bahaya dan ancaman penyalahgunaan media massa ini juga semakin jelas dengan siri penangkapan individu yang menjadi radikal melalui jaringan internet.

### **Keprihatinan Pemerintah Singapura**

Walaupun penduduk Islam di Singapura merupakan kaum minoriti, jumlah keseluruhannya seramai 15 %, <sup>4</sup> namun agama Islam merupakan agama yang mempunyai impak yang kuat dan jelas. Pengamalan Islam di Singapura sentiasa mendapat perhatian yang unik daripada pihak Pemerintah lebih-lebih lagi ekoran peristiwa 9/11 dan kemunculan ISIS. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengekang fahaman ISIS atau mana-mana ideologi yang melampau daripada mempengaruhi minda anak watan Singapura. Antara usaha yang ketara adalah penubuhan Kumpulan Pemulihan Agama RRG (Religious Rehabilitation Group) pada tahun 2003 yang memastikan fahaman masyarakat selari dengan apa yang dituntut oleh Islam. RRG yang terdiri daripada golongan asatizah ini telah menghasilkan beberapa manual untuk membantu sebarang salah fahaman terhadap teks-teks agama.

### **Peranan Asatizah & PERGAS**

Melihatkan kesedaran agama yang semakin meningkat saban hari, asatizah dan cendekiawan agama berusaha keras untuk memastikan agar masyarakat terhindar daripada pengaruh-pengaruh yang boleh memecahbelahkan masyarakat. Peranan asatizah kini bukan sahaja di masjid dan madrasah, malah ramai dalam kalangan mereka kini menceburkan diri dalam bidang pekerjaan awam (*civil servant/public servant*), perniagaan, hartanah dan agensi pelancongan, haji

<sup>3</sup> Kluver, H. Detenber, Lee, Shahiraa, Cheong, *The Internet and Religion In Singapore: A National Survey*, Singapore Internet Research Centre, School of Communication and Information, Nanyang Technological University, 3.

<sup>4</sup> Hussin Mutalib, *Melayu Singapura Sebagai Kaum Minoriti dan Muslim Dalam Sebuah Negeri Global*, Malaysia: Vinlin Press Sdn Bhd, 2015

dan umrah. Ini penting bagi memastikan agar masyarakat sentiasa mempunyai rujukan dan panduan apabila berhadapan dengan isu-isu tertentu. Melihatkan desakan ini, asatizah kini perlu giat berinteraksi dengan masyarakat serta memperluas pemahaman mereka dengan mempelajari dan mengkaji konteks kehidupan masyarakat setempat sebagai tambahan kepada pendidikan tradisional yang telah dilalui.

Dalam hal ini, PERGAS (Persatuan Ulama & Guru-guru Agama Islam Singapura) dan badan-badan agama utama yang lain memainkan peranan yang vital dalam memastikan asatizah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang secukupnya. Pelbagai kursus peningkatan diri yang meliputi pelbagai bidang dan kemahiran disediakan bagi para asatizah untuk kekal relevan di mata masyarakat. Ini termasuk kursus-kursus bagi memantapkan ilmu agama, kursus kaunseling dan sebagainya.

Di peringkat masyarakat pula, Pergas sering menjadi sumber rujukan untuk memberikan respons serta panduan keagamaan yang sesuai terhadap isu-isu yang dibangkitkan, antaranya; isu hijab, LGBT, pembunuhan nekad dan lain-lain. Dalam usaha menjaga kemurnian agama juga, Pergas telah mengadakan pengajian-pengajian yang dijalankan di bawah Institut Pengajian Islam Pergas (IPIP). Antara usaha IPIP adalah mengembangkan kerjasama di dalam negeri juga di negara jiran iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam program peringkat Sarjana Muda & Sarjana. Program Sarjana Muda ini telah bermula sejak tahun 2005 dan Sarjana pada tahun ini. Pengajian-pengajian ini bertujuan membimbing masyarakat awam, khususnya orang dewasa dalam memahami kesederhanaan dalam beragama khususnya dalam konteks masyarakat Muslim minoriti di Singapura. Ianya membuktikan bahawa Pergas telah memainkan peranan yang penting dalam menyokong masyarakat Islam dan Pemerintah

### **Cetusan Idea Skim Pengiktirafan Asatizah**

Asatizah dan ulama tempatan merupakan aset penting dalam usaha membimbing kehidupan keagamaan masyarakat Muslim dalam konteks negara sekular dan berbilang kaum di Singapura.<sup>5</sup> Bagi memastikan tidak akan timbul kekeliruan dan salah tanggapan tentang agama dalam kalangan masyarakat Islam Singapura, adalah amat penting untuk mendapatkan pendidikan agama daripada asatizah yang berkeelayakan, berwibawa dan bertauliah. Dalam hal seperti ini, dengan hasrat pembangunan asatizah dapat dijalankan dengan lebih berstruktur dan pengajaran agama dapat disampaikan sejajar dengan konteks Singapura, Skim Pengiktirafan Asatizah (Astizah Recognition Scheme) diperkenalkan.

Idea bagi Skim Pengiktirafan Asatizah dicetuskan pada tahun 1994 oleh Allahyarham Ustaz Abu Bakar Hashim yang ketika itu merupakan presiden Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (Pergas). Cadangan untuk mengadakan skim ini telah diajukan kepada pihak Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Usaha ini mengambil masa yang panjang dan secara berperingkat-peringkat untuk melahirkannya sehingga di awal tahun 2017 bulan Januari. Ia dikuatkuasakan dengan diberikannya peruntukan dari segi undang-undang. Pembentukan bermula melalui satu komiti/ahli yang dikenali sebagai Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB). Pergas sebagai sekretariat turut membantu dalam proses penilaian guru-guru agama yang mendaftar untuk mendapatkan skim pengiktirafan ini.<sup>6</sup>

Melalui skim ini, masyarakat boleh mengenal pasti guru-guru agama yang berkeelayakan dan bertauliah serta dalam masa yang sama dapat memastikan bahawa tidak mudah bagi mereka yang tidak mempunyai kelayakan, kemahiran atau pengetahuan dalam bidang agama / ajaran Islam menyampaikan ilmu dengan sewenang-wenangnya. Mereka juga boleh membuat aduan tentang pengajian agama oleh guru yang tiada kelayakan rasmi dalam ilmu agama. Skim ini juga dapat meyakinkan ibubapa bahawa anak-anak mereka yang dihantar belajar agama, dibimbing oleh asatizah yang berkeelayakan atau yang diiktiraf dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Pada tahun 2001 masyarakat dikejutkan dengan kewujudan kumpulan Jemaah Islamiah (JI) yang ingin menubuhkan sebuah negara Islam di Singapura. Berikutan dengan insiden ini, idea Pergas untuk mengadakan pangkalan data para asatizah dibangkitkan semula dan disambut baik oleh MUIS serta mendapat sokongan daripada pemerintah.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> <http://www.beritaharian.sg/ars-tidak-harus-membebankan-asatizah>, 2016

<sup>6</sup> “Skim pelengkap keupayaan asatizah hadapi cabaran masa kini,” Berita Harian, Jan 2016

<sup>7</sup> “Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori, Satu Analisa,” Wasat Online, <https://wasatonline.wordpress.com/skim-pengiktirafan-asatizah>

Siri taklimat ARS telah dijalankan untuk semua asatizah pada tahun 2004 dan mula dilancarkan dan dibuka untuk pendaftaran pada tahun 2005. Skim ini bermula secara sukarela untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap asatizah setempat sebagai sumber yang boleh dipercayai. Kesemua asatizah diseru agar menyokong usaha ini. Asatizah yang ingin diiktiraf sebagai guru agama (Ustaz atau Ustazah) perlu menjalani beberapa ujian yang meliputi fardu ain, fiqh dan pemahaman bahasa Arab.

Apabila Muis mengeluarkan peraturan bahawa hanya asatizah yang diiktiraf di bawah skim ARS sahaja dibenarkan untuk menyampaikan agama di madrasah, masjid dan lain-lain, semakin ramai asatizah tempatan terdorong dan bersedia untuk diiktiraf. Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) disemak dan dinilai pelaksanaannya dari tahun 2010 hingga 2014. Pada setiap tiga tahun, asatizah yang diiktiraf perlu memperbaharui pengiktirafan ini. Mereka dikehendaki memenuhi syarat minimum 10 jam latihan setahun selama tiga tahun sebagai sebahagian daripada CPE (*Continuous Professional Education*). Ini termasuk latihan melalui kursus, seminar atau ceramah yang disediakan oleh Akademi Muis dan beberapa badan yang lain yang diberikan pengakuan melaksanakan program-program peningkatan bagi para asatizah ini. Asatizah diberi fleksibiliti untuk mengumpulkan mata kredit latihan selama tiga tahun. Antara latihan yang dijalankan termasuklah aplikasi pengetahuan agama dalam persekitaran kontemporari. Kalendar untuk mengetahui jadual latihan skim ARS juga tertera di laman web MUIS untuk memudahkan asatizah memilih tarikh bagi menghadiri sesuatu latihan atau kursus yang disediakan.

### **Mandatori ARS**

Pada bulan September 2016, Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim mengumumkan bahawa ARS akan menjadi mandatori mulai 01 Januari 2017.<sup>8</sup> Idea menjadikan Skim Pengiktirafan Asatizah mandatori timbul daripada asatizah mapan / ahli jawatankuasa yang berada dalam Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB). Muis akan bekerjasama dengan Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS) serta Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) bagi menguatkan skim ARS dan meluaskannya kepada semua asatizah. Kepentingan ini diusahakan untuk mengelakkan penyelewengan ajaran agama sewaktu mengajar agama Islam. Hasrat Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) untuk mewajibkan skim ARS ini juga mendapat sokongan Pemerintah demi memastikan keharmonian masyarakat dan tidak menggugat keselamatan negara. Oleh yang demikian, skim ini dinaik taraf daripada skim berdasarkan sukarela kepada skim pengiktirafan asatizah yang wajib.

Perdana Menteri Lee Hsien Loong menyokong dan mengalu-alukan usaha mewajibkan skim pengiktirafan Asatizah ini. Semasa Rapat Umum Hari Kebangsaan pada Ogos 2017 beliau mengumumkan bahawa asatizah perlu memahami isu-isu semasa dan konteks yang diamalkan di Singapura. Program-program pembangunan profesional asatizah perlu diterapkan di bawah skim ARS. Perkara seperti ini akan memberi jaminan kepada masyarakat bahawa kesemua guru agama di sini dapat mengajar / mengamalkan Islam mengikut konteks masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Singapura amat beruntung kerana semua kaum dan kumpulan agama bersependapat dalam usaha untuk menolak dan memberantas pengganasan.<sup>9</sup>

Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) akan diluaskan untuk meliputi semua asatizah tempatan. Ia bertujuan untuk lebih meyakinkan masyarakat bahawa golongan asatizah yang memberikan bimbingan agama, mempunyai kelayakan dan latihan yang sempurna. Skim tersebut memberikan pengiktirafan kepada asatizah tempatan yang memenuhi kelayakan minimum untuk mengajar ilmu agama Islam di pelbagai institusi keagamaan awam dan swasta.

---

<sup>8</sup> Usul jadikan ARS skim mandatory dapat sokongan, Berita Harian, 20 Ogos 2016

<http://www.beritaharian.sg/setempat/usul-jadikan-ars-skim-mandatori-dapat-sokongan>

<sup>9</sup> <http://www.pmo.gov.sg/newsroom/rapat-hari-kebangsaan-perdana-menteri-lee-hsien-loong-dalam-bahasa-melayu-di-pusat-budaya-Universiti-Nasional-Singapura-pada-29-Ogos-2010>

## Respons Asatizah berkenaan Mandatori ARS

Jumlah asatizah yang memohon serta ingin mendapatkan maklumat mengenai Skim Pengiktirafan Asatizah ini meningkat sejak mandatori ARS diumumkan pada tahun yang lalu. Sekitar 80% asatizah, iaitu seramai 1805 orang telah pun terdaftar di bawah skim ARS sejak Ogos 2016. Kini jumlah keseluruhan asatizah yang berada di dalam direktori ARS meningkat sehingga mencapai 2800 termasuk guru al-Quran. Ini menunjukkan satu perkembangan yang positif dan dijangkakan jumlah ini akan terus meningkat kerana banyak lagi permohonan sedang dalam proses penilaian. Asatizah yang mendaftar di bawah skim ini menerimanya dengan fikiran terbuka dan memberikan respons yang sangat positif. Dengan adanya skim mandatori ini, institusi asatizah dapat diperkukuh serta memberi peluang kepada asatizah untuk mempertingkatkan diri melalui latihan, dan menyertai perbincangan tentang isu-isu kontemporari.

Beberapa pusat dan institusi pendidikan Islam swasta seperti Institut Pengajian Islam Pergas, Institut Al-Zuhri, pusat pendidikan Andalus, Safinah Institut, SimplyIslam dan lain-lain amat menitikberatkan mutu dalam pendidikan Islam dan akan memastikan kesemua asatizah yang membimbing mempunyai tauliah yang berdaftar di bawah skim ARS.

Tempoh peralihan selama setahun diberikan kepada kesemua asatizah untuk mendaftar di bawah skim wajib ini. Antara kelayakan minimum yang perlu diperolehi ialah Pengajian Diploma Islam daripada institusi yang diiktiraf oleh Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB). Bagi asatizah yang tidak mempunyai kelayakan, beberapa program dan latihan dikendalikan dan diberi tempoh selama tiga tahun untuk mereka meningkatkan diri. Ini bagi memastikan mereka memenuhi kriteria agar mampu menjadi pembimbing agama dalam membantu masyarakat khususnya umat Islam sejangat.

## Cabaran Mandatori ARS

Pada tahun 2016, sebanyak enam sesi taklimat diadakan bersama asatizah sebelum ARS diwajibkan. Skim Pengiktirafan Asatizah menjadi skim mandatori bagi semua asatizah pada awal 2017. Tiada lagi skim Pengiktirafan Guru al-Quran (QTRS) dan semua guru di bawah skim ini telah dimasukkan ke dalam skim ARS. Sekitar 600 asatizah dimasukkan ke dalam ARS di bawah peringkat guru Al-Quran (QT1, QT2 dan QT3).<sup>10</sup> Asatizah setempat diwajibkan memenuhi syarat untuk mengumpulkan 30 jam kredit *Continuous Professional Education* (CPE)<sup>11</sup> manakala guru al-Quran hanya perlu mengumpulkan 10 jam kredit CPE. Kewujudan Skim mandatori ARS bukan bertujuan untuk menghalang asatizah daripada mengajar agama tetapi adalah untuk kebaikan semua pihak supaya tidak menjejaskan keharmonian masyarakat dan menggugat keamanan negara.

Mufti Negara Singapura, Dr Ustaz Fatris Bakaram, menyatakan bahawa terdapat juga sesetengah golongan masyarakat tidak dapat melihat skim ARS ini sebagai satu keperluan yang penting. Malahan mereka membuat keputusan sendiri dengan meminta seseorang yang dikenali mereka yang mempunyai pengetahuan agama untuk mengajar dan membimbing mereka di rumah atau di mana sahaja. Mutu dan kemampuan asatizah menyampaikan ilmu dengan baik mengikut kemahiran dan konteks negara ini amatlah penting bagi kesemua asatizah walaupun yang berkelayakan tinggi. Dengan perkembangan yang semakin pesat di dunia, pelbagai cabaran terus dihadapi oleh masyarakat. Asatizah yang perlu berada di barisan hadapan jika timbul isu-isu berkaitan dengan agama serta mampu memberikan panduan bagi cabaran baharu yang dihadapi masyarakat.<sup>12</sup>

## Kod Etika ARS

---

<sup>10</sup> "Tiada lagi Skim Pengiktirafan Guru Al-Quran" Berita Harian, 24 Jan 2017

<sup>11</sup> CPE bermula tahun 2004 dengan tujuan untuk mempertingkatkan taraf asatizah dan berfungsi sebagai sumber rujukan bagi masyarakat Singapura

<sup>12</sup> Skim pelengkap keupayaan asatizah menghadapi cabaran masa kini, Idea asal skim dicetus pada 1994 bagi selaras pembangunan asatizah secara berstruktur, ajar ilmu agama dalam konteks S'pura, Okt 2016

<http://www.beritaharian.sg/wacana/skim-pelengkap-keupayaan-asatizah-hadapi-cabaran-masa-kini>

Skim Pengiktirafan Asatizah juga mempunyai kod etika yang harus dipatuhi oleh semua asatizah di bawah skim ARS. Kod etika ini bertujuan memberikan garis panduan kepada asatizah agar mereka dapat melaksanakan tugas dan amanah dengan lebih berwibawa dan berdedikasi. Asatizah perlu memainkan peranan sebagai penyatu serta contoh kepada masyarakat. MUIS dengan kerjasama semua pihak memastikan skim yang dimandatorikan ini akan dipatuhi oleh kesemua asatizah dan menjadikan skim ini satu sistem yang kukuh dan memberi jaminan kepada keperluan masyarakat yang inginkan bimbingan agama. Tambahan pula, kini terdapat ramai asatizah yang mempunyai kepelbagaian latar belakang dan fahaman yang berbeza. Namun asatizah harus saling menghormati fahaman masing-masing agar tidak menimbulkan perpecahan ummah.<sup>13</sup>

Antara kod etika ini, asatizah tidak harus menyampaikan kandungan yang bercanggahan dan bertentangan dengan agama serta menjaga keharmonian negara terutama dalam kalangan umat Islam sendiri atau yang bukan Islam. Jalinan persaudaraan, mengamalkan sikap toleransi dalam pergaulan antara umat beragama dan hormat-menghormati amat digalakkan dalam Islam. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t di dalam surah Mumtahanah ayat 8;

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوا مِنْ دِينِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ  
حُبُّ الْمُقْسِطِينَ

“Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil.

## Penutup

Dalam dunia moden ini, Asatizah memainkan peranan penting membantu membentuk perspektif masyarakat ke arah pemahaman kehidupan beragama yang lebih progresif.

Bagi memastikan Asatizah dilatih dan melengkap kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Semua asatizah setempat harus mendaftarkan diri di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS). Ini juga termasuk semua pusat pendidikan Islam swasta bagi memastikan semua asatizah dan guru agama mereka diiktiraf ARS. Semua asatizah yang mengikuti skim ini pula perlu mengikut:

- 1- kod etika
- 2- latihan yang disediakan dari MUIS Akademi dan badan-badan yang diiktiraf oleh MUIS
- 3- CPE yang telah ditetapkan

Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) dan MUIS akan terus mengambil langkah untuk membantu guru agama yang belum berdaftar agar mereka berjaya mendapatkan kelayakan yang diperlukan. Bagi mereka yang sengaja tidak mahu menyertai skim tersebut, selepas mereka digalakkan, dibantu dan disokong, barulah akan dipertimbangkan langkah-langkah penalti kepada mereka. Ia adalah langkah terakhir setelah segala langkah pemulihan diambil.

Dalam menangani penyelewengan ajaran agama pula melalui RRG. RRG memainkan peranan penting dalam mengatasinya. Pemerintah Singapura telah menyediakan ruang dan tempat serta memberikan kursus kepada para asatizah dan ustazat untuk melakukan kaunseling dengan lebih berkesan. Ahli RRG telah menyertai seminar tentang penganasan di dalam dan di luar negara bagi mempersiapkan diri mereka menghadapi pengaruh ISIS dan mereka yang menjadi radikal dengan cara sendiri atau *'self-radical'*.

---

13 “Kod etika ARS diperlukan dalam usaha terus satukan masyarakat,” Berita Harian, 07 Jan 2017  
<http://www.beritaharian.sg/setempat/kod-etika-ars-diperlukan-dalam-usaha-terus-satukan-masyarakat>



RRG dalam usaha mereka telah menghasilkan beberapa garis panduan untuk membantu salah fahaman ini. Panduan ini mengetengahkan dalil-dalil daripada Al-Quran dan hadis, dengan kemahiran dalam bidang “*maqasid al-syariah*” bagi menerangkan hikmah di sebalik satu-satu hukum.

### **Penilaian/Saranan**

Peraturan ARS mandatori mewujudkan sistem pengawalan, pemantauan, kelulusan dan pembatalan bagi mana-mana kelas agama/Al-Quran dan guru agama/al-Quran. Mutu pengajaran Islam dan guru yang menyampaikannya terkawal. Dengan ini kemurnian pendidikan agama Islam dapat dijaga daripada dicemari oleh individu-individu yang berselindung di sebalik gelaran ‘guru agama’.

Memandangkan pelaksanaan Mandatori ARS ini baru sahaja berkuatkuasa pada awal tahun ini, maklum balas daripada para asatizah dan masyarakat umum tentang hal ini sukar diperoleh. Maklum balas hanya diperoleh daripada Lembaga Pengiktirafan Asatizah dan ahli Majlis yang dipengerusikan oleh Presiden MUIS. Usaha yang baik ini dilaksanakan demi menjaga keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Oleh kerana peraturan ARS Mandatori ini hanyalah peraturan yang dibangunkan dalam rangka AMLA (*Administration of Muslim Law Act*)<sup>14</sup>, dan bukan undang-undang AMLA itu sendiri, pengubahan dan perubahan peraturan itu lebih mudah dibuat. Kita hanya boleh mengharapkan jika ada pengubahan peraturan tersebut, masa yang lebih panjang akan diperuntukan untuk mengumpul maklum balas.<sup>15</sup>

---

<sup>14</sup> AMLA (*Administration of Muslim Law Act*) – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam diluluskan oleh Parlimen Singapura pada 1966. Berfungsi pada 1 Jul 1968 untuk menyediakan sistem pusat yang mengawal semua aspek kehidupan masyarakat Islam di Singapura. Selain MUIS, AMLA juga mentadbir Mahkamah Syariah dan Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang-Orang Islam Singapura.

<sup>15</sup> “Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori, Satu Analisa,” Wasat Online, <https://wasatonline.wordpress.com/skim-pengiktirafan-asatizah>

## Bahan Rujukan

1. “ARS tidak harus membebaskan asatizah,” Berita Harian, 14 Oktober 2016, hal. 7
2. “ARS tiers and levels of teaching,” Majlis Ugama Islam Singapura, <http://www.muis.gov.sg/ARS/Asatizah-Recognition-Scheme/ARS-tiers-and-levels-of-teaching.html>
3. “Guru agama, mengaji Quran belum berdaftar akan terus dibantu,” Berita Harian, 7 Januari 2017, hal. 14
4. “Kod Etika ARS diperlukan dalam usaha terus satukan masyarakat,” Berita Harian, 7 Januari 2017, hal. 14
5. “Mufti perjelas proses daftar bagi asatizah yang belum,” Berita Harian, 1 Oktober 2016, hal.1
6. “Pergas sambut baik ARS jadi mandatori,” Berita Harian, 23 Ogos 2016, hal. 4
7. “Skim pelengkap keupayaan asatizah hadapi cabaran masa kini,” Berita Harian, 1 Oktober 2016, hal.10
8. “Skim Pengiktirafan Asatizah akan diubah, meliputi semua asatizah,” Berita Harian, 1 Ogos 2016 (Akses terakhir - 20 Julai 2017)
9. “Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori, Satu Analisa,” Wasat Online, <https://wasatonline.wordpress.com/.../skim-pengiktirafan-asatizah->
10. “Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori: Satu Analisa,” Wasat, No. 14/April 2017
11. “Sokong keperluan ARS wajib, kini ikhtiar penuhi keperluan, sambil menanti penjelasan lanjut,” Berita Harian, 12 Oktober 2016, hal. 6
12. “Tiada lagi Skim Pengiktirafan Guru Al-Quran,” Berita Harian, 24 Januari 2017, hal. 8
13. “Tiada lagi Skim Pengiktirafan Guru al-Quran,” Berita Harian, 24 Januari 2017, hal. 8
14. “Usul jadikan ARS skim mandatori dapat sokongan,” Berita Harian, 21 Ogos 2016, hal. 1
15. <berita.mediacorp.sg/...skim-pengiktirafan-asatizah.../3122914.html> (Akses terakhir – Jun 2017)
16. *skim pengiktirafan asatizah (ars) dan peraturan pusat & penyedia khidmat pendidikan islam (iecp)* <http://www.muis.gov.sg/ARS/documents/ARS%20&%20IECP%20Handbook%20-%20Final.pdf> (Akses terakhir - 20 Julai 2017)
17. <http://www.pmo.gov.sg/newsroom/rapat-hari-kebangsaan-perdana-menteri-lee-hsien-loong-dalam-bahasa-melayu-di-pusat>
18. Hussin Mutalib, *Melayu Singapura Sebagai Kaum Minoriti dan Muslim Dalam Sebuah Negeri Global*, Malaysia: Vinlin Press Sdn Bhd, 2015
19. Kalthom Md Isa, “Suasana dan cabaran umat Islam di Singapura, peranan membanteras salah faham agama”. Kertaskerja yang dibentangkan di Muzakarah Ulama, 29 April 2017, Kuala Lumpur anjuran Majlis Ugama Islam Selangor.

20. Kluver, H. Detenber, Lee, Shahiraa, Cheong, The Internet and Religion In Singapore: A National Survey, Singapore Internet Research Centre, School of Communication and Information, Nanyang Technological University, 3.
21. Maryam Mokhtar, Keep S'pore Inclusive, The Straits Times, April 16, 2013, <http://www.asiaone.com/print/News/Latest%2BNews/Singapore/Story/A1Story20130415-416031.html>
22. Religious Diversity Index, Pew Research Centre, <http://assets.pewresearch.org/wp-content/uploads/sites/11/2014/04/Religious-Diversity-appendix-1.pdf>
23. [www.beritaharian.sg/.../skim-pengiktirafan-asatizah-akan-diluas](http://www.beritaharian.sg/.../skim-pengiktirafan-asatizah-akan-diluas)
24. [www.beritaharian.sg/.../skim-pengiktirafan-asatizah-dapat-respons](http://www.beritaharian.sg/.../skim-pengiktirafan-asatizah-dapat-respons) (Akses terakhir - Jun 2017)